



JABATAN BENDAHARI

Rujukan : UKM 3.1/224/8 Jld. VIX  
Tarikh : 12 March 2007

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 3/2008**

Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan  
Fakulti/Institut/Pusat/Bahagian  
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PROGRAM PERLESENAN HARTA INTELEK NAMA DAN LOGO RASMI UKM**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut diatas.

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Bendahari telah mendapat kelulusan dari Kementerian Kewangan melalui surat S/K.KEW/PK/PP/9999/00000/11/447 JLD.3 SK(3) bertarikh 19 Disember 2007 bagi pengecualian khas pemakaian SPP Bil 5 Tahun 2007, khusus bagi perolehan barangan melibatkan Harta Intelek UKM iaitu nama & logo UKM. Ini bermakna tatacara perolehan barangan yang melibatkan harta intelek UKM termasuk penggunaan **nama & logo UKM** adalah melalui "**Sebut Harga**" dan "**Rundingan Terus**" dengan vendor-vendor yang dilantik oleh UKM Holdings.

Sehubungan dengan itu sukacita YBhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan memberikan kejasama dengan hanya berurusan dengan vendor-vendor yang dilantik seperti dilampiran. Jabatan Bendahari tidak akan bertanggungjawab menguruskan perolehan dan bayaran kepada pembekal/vendor selain daripada yang disenaraikan. Arahan ini berkuatkuasa mulai tarikh pekeliling ini.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

  
**MOHD. ABD. RASHID MOHD. FADZIL**  
Bendahari  
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k.
- Naib Canselor, UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan & Antarabangsa), UKM
  - Pendaftar, UKM
  - Ketua-Ketua Bahagian Jabatan Bendahari


nsa/pekeliling

Unit Perolehan, Bahagian Perolehan, Bayaran & Stor Pusat, Jabatan Bendahari  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03-89214384, 03-89215113, 03-89213117, 03-89215032 Fax: 03-89253058



MS ISO 9001 : 2000 REG. NO. AR 3243

No Siri.	Vendor, Alamat & Telefon	Jenis Barangan
1.	<p><b>Koperasi UNIKEB Berhad</b> Wisma UNIKEB Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 Bangi, Selangor</p> <p>Tel : 03-89252540 Fax : 03-89257177 H/p : 012-6147660 (Cik Norliza Talib)</p>	Air mineral berjenama UKM
2.	<p><b>Exacmust (M) Sdn Bhd</b> Tingkat 1, Bangunan Pusat Inovasi Universiti Teknologi MARA (UiTM) 40450 Shah Alam, Selangor</p> <p>Tel : 03-55129196 Fax : 03-55129396 H/p : 013-4376645 (En. Mohamad Khir Abdul Razak)</p>	One-Stop-Centre. Semua keperluan seperti semua jenis cenderahati korporat, bahan bercetak dan media iklan seperti folder, katalog, brosur, bunting, stiker dan poster, semua jenis pakaian seragam, blazer, aksesori pakaian seperti talileher, pakaian sukan, T-Shirt, semua keperluan seminar dan konvokesyen seperti beg seminar, beg konvo dll.
3.	<p><b>Usaha Kekal Enterprise</b> No.5 Aras 4, Bangunan PUSANIKA UKM 43600 UKM Bangi, Selangor</p> <p>Tel : 03-8888619 Fax : 03-8888620 (En. Soon Mustapha)</p>	Semua cenderahati korporat termasuk keperluan konvokesyen dan seminar.



# MESYUARAT KETUA-KETUA BAHAGIAN

Kertas: 9/2008

## PROGRAM PELESENAN HARTA INTELEK NAMA DAN LOGO RASMI UKM

### 1. TUJUAN

Tujuan kertas ini adalah untuk memaklumkan ahli-ahli MKB berkenaan pelaksanaan program pelesenan harta intelek-nama dan logo UKM, dan pada masa yang sama memohon kerjasama MKB supaya menguatkuasakan prosedur pembelian barangan menggunakan nama dan logo rasmi UKM.

### 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Selain daripada hasil-hasil penyelidikan, kepakaran, karya dan teknologi, nama dan logo rasmi Universiti juga merupakan harta intelek yang dilindungi oleh *Trade Mark Act 976 and Regulations 1997*.
- 2.2 UKM telah memberikan tanggungjawab kepada UKM Holdings melalui satu perjanjian pelesenan pada 19 Julai 2006 bagi mengawal eksploitasi penggunaan nama dan logo UKM.
- 2.3 Perlaksanaannya telah dibuat melalui prosedur sewajarnya iaitu dengan persetujuan dari pejabat Pendaftar, Pejabat Bendahari melalui siri-siri mesyuarat, kelulusan MPU bertarikh 4 Januari 2006 dan LPU Bil.4/2006 bertarikh 8 Jun 2006).
- 2.4 Pelantikan 3 syarikat iaitu **UNIKEB, Exacmust (M) Sdn Bhd, dan Usaha Kekal Enterprise** oleh UKM Holdings sebagai vendor berlesen membekalkan barangan menggunakan nama dan logo UKM.
- 2.5 Objektif program pelesenan ini adalah: 1) bagi memartabatkan nama dan logo UKM dipersada masyarakat; 2) mengawal eksploitasi harta intelek UKM secara sistematik; 3) memastikan nama dan logo UKM tidak disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab; dan 3) memudahkan kawalan ke atas vendor dalam eksploitasi nama dan logo UKM.





2.6 Bagi penguatkuasaannya, pejabat Pendaftar telah mengeluarkan **Surat Pekeliling Bil. 3/2006** bertarikh 16 Oktober 2006) untuk dipatuhi oleh semua warga UKM.

### 3. PROSEDUR PERLAKSANAAN

- 3.1 Vendor berkelayakan dilantik oleh UKM Holdings melalui “perjanjian pelesenan” bagi menawarkan khidmat dan membayar royalti pada kadar yang ditetapkan kepada UKM melalui UKM Holdings;
- 3.2 Royalti pelesenan harta intelek menyumbang sebahagian kecil pendapatan kepada Universiti;
- 3.3 Setiap perolehan barangan yang menggunakan nama dan logo UKM dibuat melalui proses “sebut-harga” dan “rundingan-terus” dengan tiga vendor yang telah dilantik oleh UKM Holdings;
- 3.4 Pejabat Bendahari akan meluluskan pembayaran urus niaga perolehan barangan tersebut hanya kepada tiga vendor yang telah dilantik oleh UKM Holdings.
- 3.5 Pihak Bendahari telah mendapat kelulusan dari Kementerian Kewangan melalui surat S/K.KEW/PK/PP/9999/000000/11/447 JLD.3 SK(3) bth 19 Disember 2007 bagi pengecualian khas dari pemakaian **SPP Bil 5 Tahun 2007**, khusus bagi perolehan barangan melibatkan harta intelek UKM iaitu nama dan logo UKM. Ini bermakna perolehan barangan yang melibatkan harta intelek UKM termasuk penggunaan nama dan logo UKM akan dikendalikan sepenuhnya oleh UKM Holdings Sdn Bhd, dan tatacara pembeliannya adalah melalui “sebut harga” dan **rundingan terus**” dengan vendor-vendor yang telah dilantik oleh UKM Holdings.

### 4. PERMASALAHAN

- 4.1 Tanpa penguatkuasaan dan kerjasama dari semua bahagian prosedur perolehan melalui vendor-vendor yang dilantik secara rundingan terus tidak dapat dilaksanakan, walau pun vendor-vendor yang telah dilantik mampu menawarkan khidmat yang diperlukan dengan harga berpatutan;
- 4.2 Impaknya kepada UKM ialah program pelesenan tidak mendatangkan apa-apa manfaat kepada UKM dan tidak mencapai objektifnya kerana nama dan logo UKM boleh dieksploitasi secara komersil dengan sewenang-wenangnya oleh peniaga-peniaga, mendatangkan keuntungan lumayan kepada mereka tanpa ada sebarang sumbangan ekonomi dan tanggungjawab sosial kepada UKM.

## 5. CADANGAN

- 5.1 Pihak Bendahari dimohon menguatkuasakan prosedur perolehan berkenaan sepertimana yang telah diluluskan oleh Perbendaharaan iaitu secara "**sebut harga**" dan "**rundingan terus**" dengan vendor-vendor yang telah dilantik oleh UKM Holdings.
- 5.2 Semua bahagian dan warga UKM dimohon mengambil maklum dan memberikan kerjasama dengan hanya berurus niaga dengan vendor-vendor yang telah dilantik seperti di lampiran.

No. Siri	Vendor, Alamat & Telefon	Jenis Barangan
1.	<p><b>Koperasi UNIKEB Berhad</b> Wism UNIKEB Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 Bangi, Selangor</p> <p>Tel: 03-89252540 Fax: 03-89257177 012-6147660 (En. Cik Norliza Talib)</p>	Air Mineral berjenama UKM
2.	<p><b>Exacmust (M) Sdn Bhd</b> Tingkat 1, Bangunan Pusat Inovasi Universiti Teknologi MARA (UiTM) 40450 Shah Alam, Selangor</p> <p>Tel: 03-55129196 Fax: 03-55129396 013-4376645 (En. Mohamad Khir Abdul Razak)</p>	<p>One-Stop-Centre. Semua keperluan seperti semua jenis cenderahati korporat, bahan bercetak dan media iklan seperti <i>folede</i>, katalog, brosur, bunting, stiker dan poster, semua jenis pakaian, tempahan pakaian seragam, blazer, aksesori pakaian seperti talileher, pakaian sukan, T-Shirt, semua keperluan seminar dan konvokesyen seperti beg seminar, beg konvo dll.</p>
3.	<p><b>Usaha Kekal Enterprise</b> No. 5 Aras 4, bangunan PUSANIKA UKM 43600 UKM Bangi, Selangor</p> <p>Tel : 03-8888619 fax: 03-8888620 (En. Soon Mustapha)</p>	Semua cenderahati korporat termasuk keperluan konvokesyen dan seminar.
4.	<p><b>CILLA SCREEN</b> 56, Jalan Bunga Teratai 2/14 4000 Shah Alam, Selangor</p> <p>Tel: 019-30368683 (En. Mohd Yusoff Ab Rahman)</p>	Membuat dan membekal semua jenis T-Shirt berfesyen rekabentuk kreatif menggunakan nama dan logo UKM